

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 16 RABU 28 JULAI, 1965 1385 رابو 29 ربيع الاول PERCHUMA

Allah Selamatkan Pengantin Di-Raja

PERKAHWINAN DI-RAJA ESOK

**Penduduk2 Di-Seluruh
Negara Bergembira**

BANDAR BRUNEI — Kemunchak segala Perayaan bagi Perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha ia-lah pada istiadat bersanding bagi kedua2 Putera-Puteri di-raja itu yang akan di-langsungkan petang esok di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Sa-belum itu, menurut susunan acara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dengan berpakaian Pengantin Di-raja, sambil diiringi oleh pegawai2 dan pahlawan2 sa-ramai 95 orang yang masing2 memegang alat2 kebesaran di-raja akan berangkat ka-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, dan sa-terus-nya istiadat bersanding akan di-laksanakan.

Sa-waktu rombongan itu berangkat, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota di-tuntun oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar sambil di-iringi oleh pembesar2 negara.

Sa-bagai menandakan yang persandingan kedua2 Pengantin Di-raja itu telah di-langsungkan segera akan kedengaran 19 das tembakan meriam dan sa-telah itu do'a selamat yang memohon kapada Tohan Yang Maha Asa bagi kesejahteraan dunia akhirat bagi kedua2 Pengantin Di-Raja itu akan di-bacakan.

Selesai saja upacara itu, orang ramai yang di-jangka akan berkumpul di-sa-keliling Bandar Brunei akan dapat menyaksikan kedua2 Pengantin Di-Raja itu ketika kedua2 pengantin tersebut berarak mengelilingi Bandar Brunei.

Perarakan Pengantin Di-raja itu akan di-alu2kan bukan saja oleh ra'ayat yang berbilang bangsa, tetapi juga kanak2 sekolah yang akan berbaris di-sepanjang

jalan dari Bandar Brunei hingga-lah ka-Istana Darul Hana.

Perarakan Pengantin Di-raja itu akan di-dahului oleh Pasokan Pencharagam2 Askar Melayu Di-raja Brunei dan Pulis Brunei dan di-ikuti oleh Pasokan hadrah.

Selesai saja istiadat perkahwinan Di-raja itu, maka pada sa-belah malam-nya pula (29 Julai, 1965) di-Padang Besar Bandar Brunei dan di-kawasan Istana Darul Hana permainan yang berupa hiburan akan di-teruskan.

Pada malam itu juga permainan bunga api akan juga di-lepaskan ka-udara dari kawasan2 Istana Darul Hana dan kawasan Padang Besar, Bandar Brunei.

Sementara itu, persiapan2 bagi meraikan kedua2 pengantin di-raja itu masa ini telah pun selesai di-laksanakan dan permainan2 di-Padang Besar Bandar Brunei telah di-mulakan pada 23 Julai yang lalu sambil lampu2 chuchul bagi bangunan2 dan di-jalan2 raya kawasan Bandar ka-Istana telah juga di-nyalakan.

(Lihat muka 5)

PERARAKAN PENGANTIN DI-RAJA

BANDAR BRUNEI — Orang ramai ada-lah di-ma'lonkan bahawa pada hari Khamis 29 Julai, 1965 jalan2 raya yang akan di-lalui oleh Perarakan Pengantin Di-Raja akan ditutup pada kenderaan mulai pada pukul 4 petang ka-pukul 7 malam.

Jalan2 itu ia-lah dari Istana Darul Hana ka-Jalan Tutong, Jalan Sultan, Jalan MacArthur, Jalan Pretty, Jalan Stoney, Jalan Tutong dan jalan balek ka-Istana Darul Hana.



Kadhi Besar Brunei (kanan) kelihatan mengakhiri kapada hadhirin bahawa 'Akad Nikah bagi Yang Teramat Mulia itu telah sempurna di-jalankan.

Istiadat Mengakad Nikah Selamat Di-Langsungkan

BANDAR BRUNEI — Istiadat Mengakad Nikah atas perkahwinan antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Saleha telah di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei petang kelemarin.

Istiadat mengakad nikah itu telah di-lakukan oleh Yang Amat Mulia Kadhi Besar Brunei, Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar, Haji Md. Salleh.

Sa-bagai menandakan yang istiadat mengakad nikah Di-Raja itu telah di-langsungkan, tembakan meriam sa-banyak 19 das telah di-lepaskan.

Sa-waktu istiadat itu akan di-jalankan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota kelihatan duduk di-atas "Kasor Namat" yang di-keilingi Dian Empat yang sedia di-nyalakan api-nya.

Dengan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan yang juga berangkat ka-istiadat itu, maka istiadat mengakad nikah Di-Raja itu pun di-jalankan.

Dalam perjalanan dari Istana Darul Hana ka-Masjid Omar Ali Saifuddin, rombongan Yang Teramat Mulia itu telah di-iringi dengan Alat2 Kebesaran Perhiasan Tunggal Di-Raja serta pegawai2 yang membawa Alat2 Kebesaran Di-Raja, ia-itu 16 Tombak, 16 Pedang dan 40 Sinipit.

Sa-tiba-nya di-Pintu Besar Masjid tersebut, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan rombongan telah di-alu2kan oleh Pehin2 dan Pegawai2 Masjid yang di-ketuai oleh Setia Usaha Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin.

Lebih dari 1,000 orang para jemputan telah hadir dalam istiadat itu antara-nya termasuk-lah Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber dan pembesar2 negara.

Sementara di-kawasan Masjid pula, kira2 2,000 orang ra'ayat yang terdiri dari berbilang bangsa telah datang untuk menyaksikan istiadat tersebut.

KENYATAAN JABATAN UGAMA BRUNEI

MENGENAI PEMBICHARAAN DALAM MAHKAMAH2 KADHI

SEJAK awal tahun ini hingga pertengahan bulan Jun, 1965, di-dapati pembichara'an dalam Mahkamah2 Kadhi mengenai kesalahan atas tuduhan2 melakukan persetubohan yang haram sebanyak 16 pembicharaan di-seluruh Negeri Brunei dan perkara berkhaluwat sebanyak 4 pembicharaan dan minum minuman yang memabokkan sebanyak 6 pembicharaan.

Menurut penyiataan yang di-jalankan berhubung dengan perkara2 di-atas ada-lah di-lakukan di-sebabkan 3 faktor yang besar; pertama-nya ia-lah pergaulan yang terlalu bebas di-antara lelaki dengan perempuan, kedua kurang mengetahui akan hal ehwal agama Islam, ketiga ibu bapa dan penjaga tidak begitu mengambil berat tentang pergaulan anak2 mereka.

Apa yang mendukachitakan ada di-antara pembicharaan mengenai persetubohan yang haram ini berlaku di-antara orang2 yang sedang bertunang, tentu-lah perkara seperti ini dapat di-jauhkan sekira-nya ibu bapa mengawasi anak2 mereka itu, bukan-lah erti-nya apabila bertunang itu di-bolehan berjalan kesana kemari berdua2an, melihat wayang berdua2an, kapasar berdua2an, dan bersunyi2, ini ada-lah menyalahi U gama Islam dan menyalahi Adat Istiadat bangsa Melayu.

Oleh yang demikian saya ber-seru kepada ibu bapa supaya mengawasi anak2 mereka khas-nya anak2 perempuan jangan-lah hendak-nya mereka itu jatuh ka-jurang yang tidak di-ingini, dan galakkan-lah anak2 tuan mem-pelajari hal ehwal U gama supaya mereka dapat mengawal sedikit sebanyak diri mereka dengan berpanduan ajaran2 Islam". Demikian menurut satu kenyataan yang di-terbitkan oleh Setia Usaha, Jabatan Hal Ehwal U gama, Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

ORANG2 MELAYU JUGA PERLU MEMPELAJARI BAHASA KEBANGSAAN

ALOR STAR. — Pengerusi jawatan kuasa Bulan Bahasa Kebangsaan Kedah Inche Azahari Taib berkata pada malam 14 Julai, bahawa maseh banyak orang Melayu yang tidak dapat membaca dan menulis dalam Bahasa Kebangsaan.

Berucap di-hadapan orang ramai dalam majlis peraduan Bahasa Kebangsaan untuk pelajar2 kelas dewasa, Inche Azahari berkata orang2 Melayu tidak sayugia menyangka bahawa kerana bahasa kebangsaan menjadi bahasa ibunda sendiri, mereka tidak perlu mempelajari-nya.

"Kalau mereka bersikap demikian, mereka akan tinggal di-belakang", dia mengingatkan.

"Bahasa Kebangsaan telah maju begitu jauh hingga kira2 7,000 buah perkataan telah di-tambah kepada kamus bahasa Melayu sekarang", kata-nya.

Inche Embong bin Yahaya, sa-orang pegawai Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah merasmikan majlis itu.

Kata-nya, beliau sukachita sekali terhadap sambutan ra'ayat kepada gerakan pelajaran dewasa.

Kedah, kata Inche Embong, mempunyai jumlah kelas dewasa yang banyak sekali dari sa-barang Negeri yang lain.

Pegawai Pelajaran Dewasa Negeri, Inche Samad bin Abdul Rahman berkata dalam masa empat tahun yang lalu, lebih dari 3,000 orang pelajar kelas dewasa dari orang2 bukan Melayu telah lulus peperiksaan membaca dan menulis dalam Bahasa Kebangsaan. — *Berita Harian*.

LUMBA PERAHU SAMBUTAN PERKAHWINAN DI-RAJA

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha lumba perahu dan motor sangkut telah di-adakan di-Sungai Brunei pada sa-panjang hari Ahad, 25 Julai, sa-bagai menyambut Perkahwinan Diraja di-antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh beberapa orang Pegawai2 Kerajaan dan Ahli2 Majlis Ma-shuarat Negeri sa-baik sahaja selesai di-lansongkan tiap2 perlumbaan.

Sa-belum temasha lumba perahu itu di-tamatkan satu chabutan lotri telah di-adakan dan keputusan-nya ada-lah saperti yang berikut:—

Hadiah pertama: Tiket nombor 0095, ia-itu sa-buah basikal.

Hadiah kedua: Tiket nombor 0667,

ia-itu sa-buah radio transistor.

Hadiah ketiga: Tiket nombor 0439, ia-itu sa-buah radio transistor.

Hadiah keempat: Tiket nombor 0549, ia-itu sa-buah periok masak nasi dengan menggunakan elektrik.

Hadiah kelima: Tiket nombor 0873, ia-itu sa-buah kipas elektrik.

Pemenang2 yang belum lagi mendapat hadiah2 itu boleh-lah menerima hadiah2 itu dari Setia Usaha lumba perahu itu, Awang Sahari bin Idris di-Pejabat Kastam Di-Raja, Bandar Brunei pada masa bekerja.

AHLI2 JAWATAN KUASA MUKIM COUNCIL BERAKAS

BERAKAS. — Ahli2 Jawatan Kuasa Mukim Council Berakas Brunei yang telah di-lantek baru2 ini ada-lah saperti berikut:

Pengerusi: Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Sulaiman (Ketua Kampong Pengiran Si-Raja Muda).

Naib Pengerusi: Awang Haji Abdul Samad bin Mat Serudin (Ketua Kampong Delima II).

Setia Usaha: Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim (Guru Besar Sekolah Melayu Anggerek Desa), Penolong Setia Usaha: Chegu Baba bin Arshad (Guru Penolong Sekolah Melayu Anggerek Desa).

Ahli2 Jawatan Kuasa: Awang Pudin bin Jumahat (Berakas), Awang Mohamed Yusof bin Dato Imam Haji Mokti (Ketua Kampong Burong Pingai Baru), Awang Muhammad bin Jambol (Kampong Burong Pingai Baru).

Awang Pakar bin Haji Abdul Rahman (Kampong Terunjing), Awang Puteh bin Nudin (Kampong Anggerek Desa), Awang

Hashim bin Hassan (Kampong Pulaie).

Awang Muhammad bin Jamaluddin (Ketua Kampong Orang Kaya Besar Imas), Awang Mohamed Yassin bin Awang Md. Daud (Kampong Orang Kaya Besar Imas), Awangku Mohamed Doon bin Pengiran Besar (Kampong Delima II).

Awang Abdul Wahab bin Muhammad (Kampong Delima II), Awang Haji Abdul Rahman bin Mansor (Ketua Kampong Tilong), Awang Anang bin Haji Abdul Karim (Kampong Tilong).

Yang Mulia Dato Seri Lela Abdul Samat (Ketua Kampong Salambigar), Pengiran Metasan bin Pengiran Haji Mohamed Yusof (Kampong Sungai Hanching), Awang Arthur Shim (Kampong Tilong).

Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Apong (Kampong Lambak) dan Yang Mulia Dato Maha Wangsa Haji Sulaiman (Penghulu Kampong Lambak).

Ahli2 Mukim Council Berakas



Gambar ramai sa-bilangan dari Ahli2 Jawatan Kuasa Mukim Council Berakas. Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohamed Ali bin Awang Besar kelihatan duduk nombor 7 dari kiri dalam gambar ini. Dudok nombor 6 dari kiri ia-lah Pengerusi Mukim Council Berakas, Pengiran Haji Buntar. Gambar ini di-ambil sa-lepas majlis pembukaan rasmi Mukim Council Berakas pada 16 Julai, 1965.

SAMBUTAN MAULUD ANJORAN JABATAN UGAMA BRUNEI BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Ramai Umat Islam telah hadir di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada malam Ahad yang lalu untuk menyaksikan acara sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w., yang telah di-adakan di-bawah anjoran Badan Penerangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin, bagi pchak Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin, telah melafadzkan ucapan alu2an.

Terlebih dahulu telah di-adakan Bacaan Kitab Suchi Al-Kura'an oleh Dayang Norlia binti Haji Abdul Rahim dan di-turuti dengan ucapan oleh Pengerusi

Malam Sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., Awang Abdul Salam bin Abdul Razak, Setia Usaha Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

Di-antara acara2 yang telah di-adakan di-majlis tersebut ialah Peraduan Akhir Sharahan antara Persatuan2 tempatan; Bacaan Sajak; Lawak Jenaka oleh Keluarga Pak Panjang dan Pak Pendek; Tablo berjodol, "Rasul-

allah Dalam Peliharaan Halimah Al-Sa'adiyah dan lain2-nya.


SHARAHAN KHAS

Sharahan Khas mengenai Maulud Nabi Mohamed s.a.w., telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Pemereksa Kanan Sekolah2 Ugama, Brunei, Awang Haji Abdul Rahman bin Mohamed. Setia Usaha Majlis tersebut, Awang Md. Ali bin Md. Yusof telah juga berucap di-majlis itu.

Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam Peraduan Sharahan dan keputusan-nya ada-lah seperti berikut:—

Pertama: Awang Metussin bin Timbang dari Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer, Brunei (3PKA). Kedua: Dayang Azizah binte Ismail dari Badan Persuratan Maktab Perguruan Melayu Brunei. Ketiga: Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit dari Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda Brunei (BAKTI) dan Keempat: Dayang Rokiah binte Ismail dari Persatuan Ikatan Belia Berakas Brunei (IBB). Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer Brunei telah mendapat hadiah Johan antara Persatuan2 manakala Badan Persuratan Maktab Perguruan Melayu Brunei mendapat gelaran Naib Johan.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacaan Do'a Selamat oleh Ustadz Haji Khalidi bin Haji Abdul Karim.



Sa-bilangan dari anggota2 Pasokan2 Lelaki dan Perempuan Sekolah Melayu S.M.J.A. Bahagian Rendah yang telah mengambil bahagian di-temasha Perarakan Sambutan Maulud Nabi Mohamed, s.a.w., di- Bandar Brunei pada 11 Julai, 1965.

Perlumbaan Berjalan Kaki Anjoran Persatuan Melayu Keriam Tutong

KERIAM. — Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriam, Tutong akan berlangsung pada hari Ahad 29 Ogos, 1965 mulai pada pukul 7-30 pagi.

Perlumbaan Berjalan Kaki tersebut terbahagi kepada empat bahagian ia-itu:

Bahagian "A" terbuka kepada peserta2 lelaki dewasa, persuratan dan berpasokan. Peserta2 hendak-lah berumur 15 tahun ka-atas.

Bahagian "B" terbuka kepada peserta2 kanak2 lelaki. Peserta2 hendak-lah berumur 14 tahun ka-bawah.

Bahagian "C" terbuka kepada peserta2 perempuan. Peringkat "A". Peserta2 mesti-lah berumur 14 tahun ka-atas.

Bahagian "D" terbuka kepada peserta2 perempuan Peringkat "B". Peserta2 mesti-lah berumur 13 tahun ka-bawah.

Jarak perlumbaan Bahagian2 "A" dan "B", ia-itu Bahagian Lelaki Dewasa dan Kanak2 ia-lah sa-jauh 10 batu.

Tempat perlumbaan bahagian2 tersebut ia-lah dari Batu 34½ jalan ka-Seria.

Jarak perlumbaan Bahagian2 "C" dan "D", ia-itu peserta2

perempuan, ia-lah sa-jauh 5 batu.

Tempat perlumbaan bahagian2 tersebut ia-lah dari Batu 29½ jalan ka-Seria.

Semua perlumbaan tersebut akan berakhir di-kawasan Dewan Persatuan Melayu Keriam Tutong, yang letak-nya di-batu 24½ Jalan Tutong.

Peserta2 persuratan akan di-kenakan bayaran sa-banyak Satu Ringgit.

Bayaran untuk pasokan ia-lah sa-banyak Delapan Ringgit untuk tiap2 pasokan.

Perlumbaan untuk Bahagian Persuratan ada-lah terbuka kepada semua peminat2 sokan dari semua golongan dan peringkat.

Perlumbaan untuk Bahagian Pasokan ada-lah terbuka hanya kepada Persatuan2 dan Pasokan di-Daerah Tutong sahaja. Ramainya peserta2 tiap2 pasokan ia-lah 10 orang sahaja.

Borang2 permohonan masuk berlumba boleh-lah di-dapati

daripada:

(a) Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar, d/a Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

(b) Awang Idris bin Md. Tahir, d/a Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei.

(c) Awang Jait bin Hitam, d/a Pejabat Bandaran, Tutong.

(d) Awang Yahaya bin Pisi, d/a Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

(e) Awang Mohamed Shah bin Abdul Rahman, d/a Maktab Anthony Abell, Seria.

(f) Awang Sulaiman bin Abdul Rahman, d/a Pejabat Ukur, Kuala Belait.

Borang2 permohonan itu hendak-lah di-kembalikan kepada wakil2 tersebut atau pun kepada Setia Usaha Perlumbaan Berjalan Kaki, Persatuan Melayu Keriam Tutong, Awang Abdul Kani bin Mohd. Said, d/a Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei, atau pun kepada sesiapa juga yang berkenaan sa-belum 15 Ogos, 1965.

Kenderaan akan di-sediakan untuk peserta2 dari Bandar Brunei dan Kuala Belait ka-tempat2 perlumbaan.

Peserta2 dari Daerah Tutong pula, akan di-bawa ka-tempat2 perlumbaan itu dari bangunan Dewan Persatuan Melayu Keriam.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Mata-Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28 Julai hingga ka-hari Sabtu 31 Julai, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
28		12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
29		12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
30		12.32	3.49	6.41	7.52	4.43	4.58	6.16
31		12.32	3.49	6.41	7.52	4.43	4.58	6.16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Susunan Ranchangan Perkahwinan Di-Raja

BANDAR BRUNEI. — Ranchangan lengkap bagi sambutan hari perkahwinan di-raja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha dari hari ini hingga 5 Ogos, 1965 ada-lah di-siarkan di-bawah ini.

Ranchangan ini ada-lah meliputi ranchangan istiadat2 dan persembahan2 di-Istana Darul Hana dan juga ranchangan2 aneka gembira di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Mula2 di-siarkan susunan istiadat2 dan ranchangan2 aneka gembira di-Istana Darul Hana.

HARI INI 28 Julai, 1965.

Pukul 2-00 petang — Istiadat berbedak-bedak dan bersiram kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota di-mulakan dengan tembakan meriam 12 das.

Istiadat bersiram berkandang dengan kain puteh yang di-pegang oleh Dayang2 dengan menggunakan ayeng2an (ayer) yang terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan di-pasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 dayang2 serta sa-orang Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan.

Pukul 8-00 malam — Permainan yang berupa hiburan di-kawasan Istana Darul Hana.

Pukul 8-00 malam — Istiadat Berinai Di-Raja di-Bilek Pengangkutan Di-Raja Istana Darul Hana.

KHAMIS, 29 Julai, 1965

(Istiadat Perkahwinan Di-raja)

Pukul 2-00 petang — Istiadat berbedak-bedak dan bersiram kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota di-mulakan dengan tembakan meriam 12 das.

Pukul 2-30 petang — Pembesar2 negara dan para jemputan hadir di-Balai Singgahsana, dan Istiadat perkahwinan di-raja di-jalankan serta Istiadat bersanding di-mulakan dengan di-ikuti selawat dan tembakan meriam 19 das serta do'a selamat di-bacakan oleh Kadhi Daerah Brunei/Muara.

Keliling Bandar Brunei dengan Kedua Pengantin berarak berdi-dahului perjalanan-nya oleh Pen-

charagam Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pencharagam Pulis Brunei.

Pukul 8-00 malam — Permainan yang berupa hiburan di-kawasan Istana Darul Hana.

Pukul 8-30 malam — Pertunjukan "Bunga Api" di-kawasan Istana Darul Hana dan di-Padang Besar Brunei.

HARI AHAD, 1 OGOS, 1965

Istiadat muleh tiga hari perkahwinan di-Raja di-mulai pada pukul 2-00 petang.

Pukul 7-30 malam — Istiadat Perkahwinan Di-Raja Muleh ka-rumah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Pukul 8-00 malam — Permainan hiburan di-teruskan.

HARI SELASA, 3 OGOS, 1965

Pukul 7-30 malam — Majlis Persantapan Di-Raja.

Pukul 8-00 malam — Permainan berupa hiburan.

Pukul 8-30 malam — Permainan "Bunga Api".

HARI RABU, 4 OGOS, 1965

Pukul 2-00 petang — Istiadat menutup gendang jaga-jaga Di-Raja.

Pukul 7-00 malam — Persembahan Jamuan Santapan dari Ketua2 Pejabat dan Pegawai2 Kanan Kerajaan kerana menyembahkan Selamat Pengantin Di-Raja kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Pengiran Isteri. Bertempat di-Istana Edinburgh.

HARI KHAMIS, 5 OGOS, 1965

Pertunjukan senaman persembahan murid2 sekolah. Bertempat di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Susunan ranchangan perayaan di-Bandar Brunei mulai hari ini:

Pukul 6-45 petang — Mula menyala-kan api bagi bangunan2 dan Pintu Gerbang.

Pukul 7-00 malam — Pasar Gembira di-mulakan.

Pukul 7-30 malam — Joget Modern, Panchak Silat, Aneka Warna.



Gambar menunjukkan istiadat menghantarkan Tanda Pertunangan Di-Raja yang telah di-langsungkan pada 23 Julai yang baru lalu.

Pukul 12-00 malam — Segala permainan di-tamatkan.

HARI KHAMIS, 29 Julai, 1965

Pukul 2-30 petang — Perbarisan Murid2 Sekolah dari sa-panjang jalan ka-Istana untuk mengalu2kan perarakan pengantin Di-Raja.

Pukul 6-45 petang — Mula menyala-kan api bagi bangunan2 dan Pintu2 Gerbang.

Pukul 7-30 malam — Joget Modern, Panchak Silat, Aneka Warna.

Pukul 12-00 malam — Segala permainan di-tamatkan.

HARI JUMAAT, 30 Julai, 1965

Pukul 2-30 petang — Perarakan kereta Berhias keliling Bandar Brunei dan Perarakan Tarian Naga dan Singa.

Pukul 6-45 petang — Mula menyala-kan api bagi bangunan2 dan Pintu2 Gerbang.

Pukul 7-00 malam — Pasar Gembira di-mulakan.

Pukul 7-30 malam — Joget Modern, Panchak Silat, Aneka Warna.

Pukul 12-00 malam — Segala permainan di-tamatkan.

HARI SABTU, 31 Julai, 1965

Pukul 6-45 petang — Mula menyala-kan api bagi bangunan2 dan Pintu Gerbang.

Pukul 7-00 malam — Pasar Gembira di-mulakan.

Pukul 7-30 malam — Joget Modern, Panchak Silat, Aneka Warna.

Pukul 8-00 malam — Perarakan kereta Berhias dan Tanglong Berjalan kaki, Perarakan Tarian Singa dan Naga berkeliling Bandar Brunei di-mulakan.

Pukul 12-00 malam — Segala permainan di-tamatkan.

HARI AHAD, 1 Ogos, 1965

Pukul 9-00 pagi — Perlumbaan kereta di-mulakan.

Pukul 6-45 petang — Mula menyala-kan api bagi bangunan2 dan Pintu Gerbang.

Pukul 7-00 malam — Pasar Gembira di-mulakan.

Pukul 7-30 malam — Joget Modern, Panchak Silat, Aneka Warna.

Pukul 12-00 malam — Segala permainan di-tamatkan.

HARI ITHNIN, 2 OGOS, 1965

Pukul 6-45 petang — Mula menyala-kan api bagi bangunan2 dan Pintu Gerbang.

Pukul 7-00 malam — Pasar Gembira di-mulakan.

Pukul 7-30 malam — Joget Modern, Panchak Silat, Aneka Warna di-mulakan.

Pukul 12-00 malam — Segala permainan di-tamatkan.

HARI SELASA, 3 OGOS, 1965

Pukul 6-45 petang — Mula menyala-kan api bagi bangunan2 dan Pintu Gerbang.

Pukul 7-00 malam — Pasar Gembira di-mulakan.

Pukul 7-30 malam — Joget Modern, Panchak Silat, Aneka Warna.

Pukul 12-00 malam — Segala permainan di-tamatkan.

HARI KHAMIS, 5 OGOS, 1965

Pukul 3-00 petang — Pertunjukan Senaman Ramai dan Tarian Ramai dari Murid2 Sekolah serta Pertunjukan Silapmata di-Padang Besar Bandar Brunei. (Semua pertunjukan ini akan di-saksikan oleh Kedua Pengantin Di-Raja dan Kerabat2 Di-Raja).

Perarakan menghantar Pertunangan Di-raja yang terdiri daripada sa-orang kanak2 perempuan yang berpakaian laki-laki memakai gelang pengaluan, geronchong, kanching, puntu azimat, jamang di-kepala dan berpakaian tidak berbaju yang di-urapi dengan tamu kuning dan di-garis2 dengan sisir yang di-usung oleh pengarah. Di-depan kelihatan sa-orang kanak2 laki2 di-kipak yang digelar "pemutus tali gentong" yang berpakaian lengkap serta di-iringi oleh dayang2, yang membawa alat2 pertunangan di-raja.



UTAMAKANLAH BAHASA MELAYU - BAHASA KEBANGSAAN NEGERI BRUNEI

BIARKAN MATAHARI DAN BULAN DI-LANGIT ITU DI-TURUNKAN SA-BAGAI HADIAH KAPADA NABI MOHAMED - NAMUN PERJUANGAN-NYA DI-BERHENTIKAN TIDAK SEKALI2 - Kata Awang Haji Mohamed Zain

BERAKAS. — Biarkan matahari dan bulan di-langit itu di-turunkan sa-bagai hadiah kepada Nabi Mohammad, namun perjuangan-nya di-berhentikan tidak sekali2. Demikian antara-nya kata Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Awang Haji Mohamed Zain telah melafadzkan kata2 sa-demikian ketika beliau memberi cheramah berkenaan dengan Maulud Nabi kapada penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei baru2 ini.

Di-bawah ini ia-lah kandungan cheramah Awang Haji Mohamed Zain dengan sa-penoh-nya.

MOHAMMAD PESUROH TOHAN

Sa-chara kebetolan, saya di-minta bercheramah di-hadapan pendidek2 bangsa ini, sa-masa kita merayakan Hari Keputeraan Nabi kita Saidina Mohammad, s.a.w., kerana sampena itu-lah saya memileh tajok cheramah saya yang berbunyi: Mohammad Pesuroh Tohan atau Mohammad Rasulullah ini.

Saya percaya semua kita mengetahui bahawa Nabi Mohammad itu anak Abdullah bin Abd. Mutallib bin Hashim, dari bangsa Arab suku Kuraish. Dan tentu lah kita tahu bahawa nama emak-nya ia-lah Aminah binti Wahab. Lebeh dari itu kita telah ma'alum bahawa Baginda di-peranakan dalam bulan Rabil Awal di-tahun Gajah, bersamaan bulan April, 571 di-negeri Mekah, dan Baginda di-lantek menjadi Rasul ketika umur-nya (40) tahun, selepas 13 tahun dari tarikh itu Baginda berhijrah ka-Madinah, dan wafat ketika baginda mencapai umur 63 tahun.

Sa-bagai sa-orang pemimpin, Baginda memahami di-mana dia berpijak, ka-mana dia mahu pergi dan apa-kah tujuan yang paling akhir? Tanpa memahami dasar dan tujuan sa-tiap perjuangan, sa-saorang pemimpin akan menyeliwing dari perjuangan asal-nya.

Umpama-nya, Baginda dalam perjuangan-nya di-Mekah menerima berbagai2 ugutan, berbagai2 anchaman, berbagai2 siksaan, dan ketika perkara2 yang berchorak kekerasan itu tidak berjaya, maka kaum kafir mengubah taktik perjuangan mereka, satu rombongan di-hantar berjumpa Baginda, tawaran2 yang lemak manis di-kemukakan kapada Baginda; kalau mahu perempuan chantek, mereka charikan perempuan yang paling chantek di-dunia, kalau mahu menjadi raja, semasa itu juga di-tabalkan, dan kalau otak-nya kurang sehat mereka sanggup mencharikan doktor, segala tawaran2 itu diikat dengan satu syarat, berhentikan gerakan2 menentang keperchayaan dato ninik mereka dan berhentikan penyiaran Ugama Islam.

Saya katakan tadi kalau pemimpin tidak tahu di-mana dia berpijak, dengan kilapan wang, dengan senyuman gadis, dengan pengaruh kuasa, dengan segala2 itu akan menyeliwing dari perjuangan asal-nya.

Tetapi Nabi Mohammad, nyah segala2-nya itu, biarkan matahari dan bulan di-langit itu di-turunkan sebagai hadiah kapada-nya, namun perjuangan di-berhentikan tidak sekali2. Perjuangan tetap berjalan terus, kalau berjaya, terchapai chita2, kalau terkorb, perjuangan di-teruskan oleh sa-tiap rakan2-nya.

Kerana itu-lah Nabi Mohammad selaku pemimpin sangat berhati2 dalam soal kejujuran; jujur dalam setiap perkataan, jujur dalam setiap perbuatan. Tanpa kejujuran, kejatohan akan di-deritai. Bukankah semasa Baginda kechil2 lagi sudah terkenal dengan gelaran Al-Amin, yang amanah, yang jujur.

Kita sebagai orang Islam, adalah di-anjorkan supaya menjadi kan Rasulullah itu sebagai chuntoh tauladan yang baik, begitu-lah maksud saputong ayat suchi Al-Quran.

Oleh itu tuan2 dan puan2 sabagai guru, sabagai pendidek bangsa, terlalu-lah di-kehendaki supaya bersifat jujur, jujur dalam segala segi. Barangkali, buat masa dulu boleh laku kata2, "dengar apa yang guru kata, tapi jangan ikut apa yang guru buat: Kata2 ini terlalu mendukachitak, tidak bertanggung-jawab. Samasa saya menjadi penuntut sabaik saja perang dunia kedua dulu selesai, sering saya dengar kata2 ini dari mulut guru saya. Masa itu saya belum begitu faham, tetapi setelah mengkaji perumpamaan "guru kencing berdiri, murid kencing berlari", tau-lah juga erti-nya sedikit2 akan terpisong-nya kata2 itu tadi.

Yang paling menarek bagi guru, ia-lah satriat perkataan-nya, satriat perbuatan-nya, ada-lah patut di-jadikan chontoh oleh murid2-nya. Tentu-lah tuan2 dan puan2 mempelajari ilmu jiwa kanak2 dalam Maktab Perguruan ini, gunakan-lah ilmu itu, tuan2 tidak akan menyesal.

Tuan2 ia-lah pemimpin di-lapangan pelajaran, kalau pemimpin2 terkenal di-lapangan siasah akan di-kenan

dengan di-dirikan patong2-nya, kalau perwira2 terkorb di-medan perang akan di-dirikan tugu perwira; tetapi kalau guru2 di-manakah tugu-nya?

Jangan-lah di-susahkan, kejujoran yang tuan2 dan puan2 berikan samasa berkhidmat salaku guru itu akan tumbuh, akan berakar umbi di-jiwa anak2 yang tuan2 didik, ia membesar dan berkembang bersama2 dengan kedewasaan anak2 itu, dan kejujoran itu mengalir di-jiwa-nya sa-iring dengan aliran darah-nya.

Tuan2 tidak percha ya barangkali? Chuba-lah tanya diri tuan2 sendiri, sampai bila2 tuan ingat siapa guru-nya yang mengajar tuan samasa tuan kanak2 dulu.

Saya maseh ingat guru yang mula2 mengajar saya, ia-lah Chegu Md. Said bin Sidek. Hendak-lah di-ingat, kenangan itu berwarna, kalau guru-nya jujur, kenangan-nya puteh bersih, harum samerbak, tapi kalau sabalek-nya akan menjadi ukoran hitam sa-panjang hayat.

MUSLIM SEJATI

Barangkali saya di-sangka sudah melarat, dari membicharakan Rasulallah, kenapa membicharakan tugas2 dan kewajipan guru. Agak-nya saya belum terkeluar maudzu' lagi, kerana kita mengambil chontoh, chontoh yang paling penting ia-lah jujur, amanah.

Dengan kejujoran yang penoh in-lah Rasulallah bergerak, berjuang, mempertahankan Ugama Islam. Sapeerti yang saya terangkan mula2 tadi bahawa pada mula-nya Rasulallah itu di-Mekah, lepas 13 tahun di-Mekah sa-sudah di-lantek menjadi Rasul, Baginda pun pindah ka-Madinah.

Yang akan saya bicharakan di-sini ia-lah tugas-nya yang penting samasa di-Mekah, ini ada-lah perkaitan-nya dengan tuan2 dan puan2 sabagai pendidek.

Tuan2 telah ma'alum bahawa orang2 Arab terkenal dengan sifat2 yang tertentu, sifat2 yang keji sabelum Mohammad bin Abdullah di-lantek sa-bagai Pesuroh Tohan.

Tetapi ada-lah menjadi boki kapada dunia, bahawa Mohammad Rasulallah dalam tempoh 13 tahun berjaya membentok manusia2 yang berjaya Islam 100%, muslim sejati.

Di-Mekah belum terbentok sa-buah masharakat Islam dalam erti kata yang sa-benar-nya; tetapi satu perkara yang penting dalam sejarah kebangunan dan perkembangan Islam telah berlaku di-Mekah, perkara itu ia-lah Pembentokan Manusia Islam Sejati.

Pembentokan Jiwa ini terlalu penting, ini ia-lah di-antara tujuan2 yang di-jayakan oleh seruan Islam itu, lebeh jauh kejayaan tersebut dapat di-chapai dengan begitu chepat, mengapa tidak, seruan Islam itu mengubah manusia Arab kapada manusia Islam, persoalan yang timbul bukan hanya manusia Arab menjadi sa-orang Islam bahkan jauh lebeh mendalam dari itu, kerana Islam sanggup dan berjaya menukarkan manusia Arab itu sa-chara keseluruhan sa-olah2 timbul manusia baru, manusia yang tahu akan tanggung-jawab-nya.

Chontoh-nya terlalu banyak, tadi saya katakan orang2 Arab itu terkenal dengan sifat2 yang tertentu, sifat2 yang keji.

Mereka lekas benar menggunakan pedang, walau pun hanya di-sebab-

kan perkara yang paling kechil, kemudian mereka berubah menjadi manusia yang menggunakan akal dan menerima perdamaian.

Mereka mula-nya mengakui bahawa sagala2 itu tundok kapada kekuatan; tetapi Rasulallah membawa mereka kapada Undang2.

Begitu-lah perubahan2, dari menuntut bila tanpa usul pereksa kapada penghakiman daripada sagala2-nya boleh dan tanpa tegahan kepada sekatan2 yang dapat di-terima akal, daripada tiada bertohan kapada pengakuan bahawa Tohan itu satu tiada berbilang2.

Yang memainkan peranan penting dalam perkara ini ia-lah Islam itu dasar-nya di-terima oleh akal yang waras, dan Rasulallah sendiri mempunyai peribadi yang tinggi, peribadi yang menjadi ikutan.

Saya katakan tadi perkara ini ada-lah perkaitan-nya dengan tuan2, kalau Rasulallah bertugas sa-bagai pendidik manusia2 yang kafir itu, di-tukarkan-nya menjadi manusia yang berjaya Islam, Baginda berjaya dalam menjalankan tugas-nya dengan sokongan kuat dari peribadi-nya sendiri, maka tuan2 selaku pendidik, pemegang amanah beribu2 ibu bapa, adalah di-kehendaki supaya berperibadi tinggi supaya dapat di-jadikan ikutan yang paling baik oleh murid tuan2.

Dengan ini, tuan2 akan dapat mengubah peribadi yang kurang baik kapada baik, dan dari baik kapada yang lebeh baik. Dari manusia yang tidak tahu apa2, kapada manusia yang pandai menulis, membacha dan mengira.

Tetapi ada-kah itu saja tugas tuan2, saya selalu mendengar kalau hendak melentor biar-lah dari rebong. Jadi-nya kita sabagai orang2 Islam, sabagai pengikut Rasulallah hendaklah menanamkan semangat chintakan Ugama kapada anak2 kita, chintakan tanah ayer kita, chintakan bangsa kita.

Penyeloran chinta ini terserah-lah kapada guru2, sama ada sachara langsung, atau pun sachara tidak langsung, tuan2 lebeh mengetahui berdasarkan ilmu jiwa kanak2.

Dalam waktu cheramah yang singkat ini, apa yang saya katakan tadi itu-lah sahaja yang sempat saya bicharakan, tentu-lah dalam pembicharaan ini terdapat kekurangan2. tuan2 sabagai guru dapat dan mempunyai kebolehan menyisip mana2 yang bubus, dan meningkatkan mana2 gelagar yang patah.

Hanya, yang saya ingin serukan, dalam cheramah saya yang bertajok Mohammad Pesuroh Tohan ini, ia-lah sapatah kata Rasulallah yang mengandongi ajaran, kata-nya itu ia-lah: Tidak semporna iman sa-saorang itu kechuali ia kasehkan saudara-nya saperti mana ia kasehkan diri-nya sendiri.

Wakil P.G.G.M.B. Ka-Addis Ababa




BERAKAS. — Penolong Setia Usaha Agong I, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Chegu Pengiran Mohamed Yassin bin Pengiran Damit telah berlepas ka-Addis Ababa dengan kapal terbang pada petang 22 Julai, 1965 untuk menghadhiri Persidangan Tahunan Persekutuan Guru2 Sa-Dunia.


Persidangan itu di-adakan di-Addis Ababa selama 12 hari mulai pada 27 Julai.

PERTANDINGAN SOKAN SELUROH BORNEO



Gambar² di-muka ini ia-lah di-antara gambar² yang di-ambil oleh Juru-gambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei di-temasha Pertan-dingan Sokan Kejohanan Seluroh Borneo, di-Kuching, Sarawak pada 16 dan 17 Julai, 1965. Ketua Menteri Sarawak, Yang Berhormat Dato Stephen Kalong Ningkan (gambar di-atas kiri sekali) kelihatan semasa beliau merasmikan pembukaan pertandingan sokan tersebut. Berita penuh pertandingan Sokan Borneo itu telah di-siarkan di-muka 7 akhbar ini pada 21 Julai, 1965.





Satu pemandangan Istana Darul Hana di-waktu malam semasa di-adakan perayaan sambutan Perkahwinan Di-raja di-antara Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dengan Y.A.M. Pengiran Anak Saleha



Pengerusi Mukim Council Berakas, Pengiran Haji Buntar kelihatan dalam gambar ini semasa beliau memberi ucapan di-majlis pembukaan rasmi Mukim Council Berakas, Brunei pada 16 Julai, 1965. Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar kelihatan bilangan keempat dari kanan.



Ahli2 Pasukan Brunei yang mengambil bahagian di-temasha Pertandingan Sokan Seluruh Borneo di-Kuching pada 16 dan 17 Julai, 1965. Berdiri di-kiri ia-lah Chegu Md. Hussain Zainal dan berdiri di-kanan sekali ia-lah Chegu Abdi Manaf P. H. A. Bakar, dua orang Pegawai2 Persatuan Sokan Negeri Brunei.